

Melalui Padang Gurun, Tuhan Membimbing Kita menuju Kebebasan

Saudara dan saudari yang dikasihi!

Apabila Tuhan menampakkan diri-Nya, mesej-Nya sentiasa berkisar mengenai kebebasan: "Akulah Tuhan Allahmu, yang membawamu keluar dari tanah Mesir, dari tempat perhambaan" (Keluaran 20:2). Inilah kata-kata pertama dari Dekalog yang diberikan kepada Musa di Bukit Sinai. Mereka yang mendengarnya sangat akrab dengan peristiwa keluaran dimana Tuhan bersabda: pengalaman perhambaan mereka masih terasa berat bagi mereka. Di padang gurun, mereka menerima "Sepuluh Firman" sebagai jalan kebebasan. Kita menyebutnya "perintah", untuk menekankan kekuatan kasih yang membentuk umat Tuhan. Panggilan kebebasan adalah satu yang menuntut. Ia tidak dapat dijawab dengan serta merta; ia perlu matang sebagai sebahagian daripada perjalanan. Sama seperti Israel di padang gurun yang masih terikat pada Mesir - sering merindui masa lalu dan mengeluh terhadap Tuhan dan Musa - hari ini juga, umat Allah boleh terikat pada perhambaan yang menindas yang sepatutnya harus ditinggalkan. Kita menyedari kebenaran ini pada saat-saat ketika kita berasa putus asa, mengembara melalui kehidupan seperti padang gurun dan ketiadaan tanah yang dijanjikan sebagai destinasi kita.

Prapaska adalah musim rahmat di mana padang gurun boleh sekali lagi terjadi —dalam kata-kata nabi Hosea - tempat cinta pertama kita (*lihat Hos 2:16-17*). Allah membentuk umat-Nya, membolehkan kita meninggalkan perhambaan kita dan mengalami Paska dari kematian kepada kehidupan. Seperti seorang pengantin lelaki, Tuhan menarik kita sekali lagi kepada-Nya, membisikkan kata-kata cinta kepada hati kita.

Perjalanan keluar dari perhambaan menuju kebebasan bukanlah satu perjalanan yang abstrak. Jika kita menghendaki agar perayaan Prapaska kita menjadi sesuatu yang konkrit, langkah pertama adalah kemahuan untuk membuka mata kita kepada realiti.

Apabila Tuhan menyeru Musa keluar dari semak belukar yang sedang terbakar, Dia segera menunjukkan bahawa Dia adalah Allah yang melihat dan, yang lebih penting, mendengar: "Aku telah menyaksikan penindasan umat-Ku di Mesir, dan mendengar rintihan mereka kerana dianiayai oleh para tukang kerah mereka. Aku tahu tentang keperitan yang dialami mereka. Maka Aku turun untuk membebaskan mereka daripada cengkaman warga Mesir dan membawa mereka keluar dari negeri itu ke sebuah negeri yang luas dan kaya lagi berlimpah-limpah susu dan madu." (Keluaran 3:7-8). Pada hari ini juga, jerit tangis para saudara dan saudari kita yang tertindas akan terangkat ke langit. Marilah kita bertanya pada diri sendiri: Adakah kita mendengar jerit tangis mereka itu? Adakah itu mengganggu kita? Adakah itu menggerakkan kita? Terlalu banyak perkara yang membuatkan kita terpisah antara satu sama lain, menafikan persaudaraan yang, dari awal, mengikat kita satu sama lain.

Semasa lawatan saya ke Lampedusa, dan antara jalan untuk menentang kecuaiannya globalisasi, saya telah mengajukan dua soalan yang semakin mendesak: "Di manakah engkau?" (Kej 3:9) dan "Di mana adikmu?" (Kej 4:9). Perjalanan Prapaska kita akan menjadi sesuatu yang konkrit jika, dengan mendengarkan sekali lagi kepada kedua soalan itu, kita sedar bahawa pada hari ini kita masih di bawah pemerintahan Firaun. Pemerintahan yang membuat kita lelah dan bersikap acuh tak acuh. Sebuah

model pertumbuhan yang memisahkan dan merampas masa depan kita. Bumi, udara, dan air yang tercemar, demikian juga jiwa kita. Benar sekali, Pembaptisan telah memulakan proses pembebasan kita, tetapi masih ada dalam diri kita kerinduan terhadap perhambaan yang tidak dapat dijelaskan. Sejenis tarikan keselesaan terhadap perkara-perkara yang dikenali, yang merugikan kebebasan kita.

Melalui kisah Keluaran, terdapat butiran penting: Allah yang melihat, tergerak, dan memberikan kebebasan; Israel tidak meminta ini. Firaun mematikan impian, menghalang pandangan indah ke syurga, membuat dunia ini kelihatan seolah-olah tidak dapat berubah, di mana martabat kemanusiaan dipijak-pijak dan ikatan yang sejati ditolak. Dia menundukkan segala sesuatu kepada dirinya. Marilah kita bertanya: Adakah saya mahu dunia baru? Adakah saya bersedia meninggalkan kompromi saya dengan sifat yang lama? Banyak kesaksian para uskup saudara-saudara saya dan sejumlah besar mereka yang berusaha untuk perdamaian dan keadilan semakin meyakinkan saya bahawa kita perlu melawan perasaan kurangnya harapan yang mematikan impian dan jerit tangis senyap yang terangkat ke syurga dan menggerakkan hati Tuhan. "Kekurangan harapan" ini tidak jauh berbeza dengan kerinduan akan perhambaan yang membatasi Israel di padang gurun dan menghalang mereka untuk bergerak ke hadapan. Sebuah perjalanan untuk keluar akan terhenti: bagaimana lagi kita boleh menjelaskan fakta bahawa umat manusia telah sampai di ambang persaudaraan universal dan pada tahap perkembangan saintifik, teknikal, budaya, dan undang-undang yang mampu menjamin martabat kepada semua, tetapi masih tetap meraba-raba di dalam kegelapan ketidaksetaraan dan konflik.

Allah tidak pernah lelah terhadap kita. Marilah kita menyambut Prapaska sebagai musim yang luarbiasa di mana Dia mengingatkan kita: "Aku Tuhan, Allahmu, yang membawamu keluar dari tanah Mesir, dari tempat perhambaan" (Keluaran 20:2). Prapaska adalah masa pertaubatan, masa kebebasan. Yesus sendiri, seperti yang kita kenang setiap tahun pada Minggu pertama Prapaska, dihantarkan ke padang gurun oleh Roh untuk dicubai dalam kebebasan. Selama empat puluh hari, Dia akan berdiri di depan kita dan bersama kita: Dia yang menjelma menjadi Anak manusia. Berbeza dengan Firaun, Allah tidak menghendaki subjek, tetapi anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan. Padang gurun adalah tempat di mana kebebasan kita dapat mencapai kematangan dalam membuat keputusan peribadi untuk tidak kembali kepada perhambaan. Di musim Prapaska ini, kita menemui kriteria keadilan yang baru dan sebuah komuniti dengan mana kita dapat terus melangkah di jalan yang belum diredah.

Namun, ini melibatkan satu perjuangan, seperti yang dijelaskan kepada kita di dalam kitab Keluaran dan godaan Yesus di padang gurun. Suara Allah yang berkata, "Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi dan dengan-Mu Aku berkenan" (Mrk 1:11), dan "Jangan ada padamu tuhan-tuhan lain selain Aku" (Keluaran 20:3) dilawan oleh musuh dan tipu dayanya. Lebih menakutkan daripada Firaun adalah berhala yang kita dirikan untuk diri kita sendiri; kita boleh memandang mereka sebagai suara Firaun yang berbicara di dalam diri kita. Menjadi kuasa penuh, dipandang tinggi oleh semua, memerintah orang lain: setiap manusia menyedari betapa menariknya tipu daya itu. Ia adalah jalan yang sering dilalui. Kita boleh menjadi terikat kepada wang, kepada projek tertentu, idea atau matlamat, kepada kedudukan kita, kepada tradisi, malah kepada individu tertentu. Sebaliknya untuk membuat kita bergerak ke hadapan, mereka membatuk kita. Sebaliknya untuk pertemuan, mereka mencipta konflik. Namun begitu, terdapat juga sebuah manusia baru, sebuah kaum yang kecil dan rendah hati yang tidak tunduk kepada rayuan dusta itu. Sementara mereka yang berbakti kepada berhala menjadi seperti berhala itu, bisu, buta, pekak, dan tidak bergerak (lihat Mazmur 114:4), orang-orang miskin roh adalah terbuka dan bersedia: suatu kekuatan yang baik yang diam yang menyembuhkan dan menopang dunia.

Telah tiba masanya untuk bertindak, dan semasa Prapaska, bertindak juga bermaksud untuk berhenti sejenak. Berhenti sejenak dalam doa, untuk menerima firman Tuhan, berhenti seperti orang Samaria di hadapan saudara atau saudari yang terluka. Kasih kepada Allah dan kasih kepada sesama

adalah satu kasih. Tidak menyembah tuhan-tuhan lain bermaksud berhenti di hadapan Allah di samping keperluan saudara kita. Oleh itu, doa, sedekah, dan berpuasa bukanlah tiga perbuatan yang tidak berkaitan, tetapi satu pergerakan ke arah keterbukaan dan mengosongkan diri, di mana kita mengusir berhala-berhala yang membebani kita, cengkaman yang memenjarakan kita. Kemudian hati yang seakan mati dan jauh terpisah akan hidup kembali. Jadi, berjalanlah perlahan dan berhentilah sejenak! Dimensi kontemplatif kehidupan yang Prapaska tunjukkan pasti akan menghembuskan tenaga baru. Di hadapan Allah, kita menjadi saudara dan saudari, lebih peka antara satu sama lain: sebagai ganti terhadap ancaman dan musuh, kita temui teman dan rakan seperjalanan. Inilah impian Tuhan, tanah yang dijanjikan yang kita tuju setelah meninggalkan perhambaan kita.

Bentuk Gereja sinodal, yang dalam tahun-tahun ini kita kenal kembali dan pelihara, mencadangkan bahawa Prapaska juga merupakan masa keputusan komuniti, segala bentuk keputusan, kecil dan besar, yang berlawanan arus. Keputusan yang mampu mengubah kehidupan harian individu dan seluruh kawasan, seperti cara kita memperoleh barang, menjaga penciptaan, dan berusaha untuk menyertakan mereka yang tercicir jauh atau dipandang rendah. Saya mengajak setiap komuniti Kristian untuk melakukan ini: untuk menawarkan waktu kepada setiap orang untuk merenung semula gaya hidup mereka, waktu untuk menilai kehadiran mereka dalam masyarakat dan sumbangan yang mereka buat untuk memperbaikinya. Celakanya kita jika amalan Kristian kita menyerupai jenis kerja bakti yang membuat Yesus gelisah. Kepada kita juga, Dia berfirman: “Apabila kamu berpuasa, jangan tunjukkan muka lesu seperti orang munafik. Mereka memperlihatkan wajah menderita supaya semua orang tahu mereka berpuasa.” (Mat 6:16) Sebaliknya, biarkan orang lain melihat wajah yang gembira, menghirup bau kebebasan, dan mengalami kasih yang menjadikan segala sesuatu baru, bermula dengan yang terkecil dan yang terdekat dengan kita. Ini boleh berlaku di setiap komuniti Kristian kita.

Sejauh mana Prapaska ini menjadi masa pertaubatan, umat manusia yang gelisah akan melihat pancaran kreativiti, kilauan harapan baru. Biarkan saya mengulangi apa yang saya beritahu kepada para anak muda yang saya temui di Lisbon di musim panas lalu: “Teruslah mencari dan bersiap sedia untuk mengambil risiko. Pada masa ini, kita menghadapi risiko besar; kita mendengar rayuan menyakitkan dari begitu banyak orang. Memang, kita sedang mengalami peperangan dunia ketiga yang secara berperingkat. Namun, marilah kita temui keberanian untuk melihat dunia kita, bukan sebagai sedang menghadapi kematiannya tetapi dalam proses kelahiran, bukan di penghujung tetapi di permulaan babak baru yang besar dalam sejarah. Kita perlu keberanian untuk berfikir seperti ini” (Ucapan kepada Pelajar Universiti, 3 Ogos 2023). Inilah keberanian pertaubatan, lahir dari pembebasan daripada perhambaan. Bagi iman dan kasih mengambil tangan harapan, anak kecil ini. Mereka mengajarkannya untuk berjalan, dan pada masa yang sama, dia membawa mereka ke hadapan.

Saya memberkati anda sekalian dan perjalanan Prapaska anda.

Roma, Saint John Lateran, 3 Disember 2023, Ahad Pertama Adven